

200 pelajar perintis sekolah seni mula belajar Januari

UM-1112/2006

PUTRAJAYA 30 Nov. - Seramai 200 pelajar perintis di dua buah sekolah seni akan memulakan persekolahan masing-masing mulai Januari tahun depan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, 75 pelajar akan ditempatkan di Johor manakala 125 lagi di Sarawak.

Pelajar-pelajar itu akan belajar di tingkatan satu dan dikendalikan oleh 16 guru pakar yang dipilih oleh kementerian, katanya.

Katanya, kesemua pelajar dan guru terpilih itu akan ditempatkan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid, Johor Bahru dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg, Kuching kerana bangunan tetap kedua-dua sekolah seni itu hanya siap sepenuhnya penghujung 2009.

"Sebagai permulaan kesemua 75 pelajar sekolah seni di Johor akan dibahagikan kepada tiga kelas manakala di Sarawak pula akan dibahagikan kepada lima kelas, yang masing-masing di bawah kendalian enam guru di Johor dan 10 guru di Sarawak.

"Kementerian berpendapat, pengambilan pelajar lebih awal adalah wajar bagi mengoptimalkan penggunaan sumber dan kemudahan fizikal sebaik sahaja bangunan tetap sekolah seni siap dibina dua tahun lagi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di

sini hari ini.

Cadangan penubuhan dua buah sekolah seni itu diperseetujui oleh Kabinet pada November 2004.

Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran telah membuat perancangan secara tersusun mulai tahun lalu melalui penyediaan konsep dan modul kurikulum yang akan diajar.

Sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan untuk membina kedua-dua sekolah seni itu dan pemilihan Johor dan Sarawak mendapat persetujuan kerajaan negeri terbabit yang turut menawarkan tapak yang sesuai.

Mengenai kurikulum, Hishammuddin berkata, ia telah siap dirangka dan sedia untuk dilaksanakan hasil kerjasama pelbagai pihak terutama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

"Sehingga kini, penyediaan prasarana di kedua-dua sekolah sementara tersebut sedang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pendidikan aliran kesenian dan kerja pengubahsuaian itu dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini," tambah beliau.

Sementara itu, beliau berkata, Kabinet bersetuju usaha mempertingkatkan kemampuan bahasa Inggeris di sekolah luar bandar dan pedalaman menjadi salah satu keutamaan bagi kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).